

Motivasi Penghasilan Inovasi Pengajaran oleh Guru Inovatif Pendidikan Islam (Motivation of Producing Teaching Innovation by Innovative Teachers of Islamic Education)

Wan Ali Akbar bin Wan Abdullah

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Raja Melewar

Khadijah binti Abdul Razak

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohd Isa bin Hamzah

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Nursafra binti Mohd Zhaffar

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau

Abstrak

Motivasi penghasilan inovasi penting untuk dibincangkan kerana ia menjadi penentu orientasi tindakan seseorang. Isunya terdapat kontradik antara teori mengenai ada atau tidak motivasi luaran dalam mendorong guru berinovasi. Selain itu, teori mengenai motivasi untuk berinovasi sedia ada turut tidak menyentuh mengenai motivasi islami yang menjadi antara motivasi kepada kecemerlangan pengajaran guru Pendidikan Islam. Oleh itu kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk meneroka motivasi penghasilan inovasi pengajaran di kalangan guru inovatif Pendidikan Islam. Kajian dijalankan dalam bentuk kualitatif. Terdapat lapan peserta kajian dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Mereka dijejak dengan menggunakan kaedah snowball. Data dikutip menggunakan kaedah temu bual separa struktur dan secara mendalam. Kesahan dan kebolehpercayaan dapatan dibuat melalui triangulasi sumber, lama berada di lapangan dan nilai Kappa. Dapatan menunjukkan terdapat 13 motivasi yang mendorong peserta kajian berinovasi dan boleh dikategorikan kepada dua, iaitu; motivasi dalaman dan motivasi luaran. Motivasi dalaman terdiri daripada inspirasi, tugas, kepuasan diri, saham akhirat dan minat. Motivasi luaran pula terkait dengan pertandingan, pengiktirafan, pendapatan sampingan, peningkatan kerjaya, penerimaan positif pelajar, dorongan pasangan, sokongan rakan dan peranan pentadbir. Dapatan ini dapat memberi input kepada pentadbir pendidikan dalam usaha mereka untuk merangsang guru di bawah pengurusan mereka untuk turut sama bergelumbang dalam kegiatan berinovasi.

Kata kunci: Motivasi; Inovasi Pengajaran, Guru Inovatif Pendidikan Islam, Kajian Kualitatif.

Abstract

The motivation of innovation production is important to be discussed because it determines the orientation of one's actions. The issue is there is a contradiction between theories about the presence or absence of external motivation in encouraging teachers to innovate. In addition, the existing theory on motivation to innovate also does not touch on Islamic motivation which is one of the motivations for the teaching excellence of Islamic Education teachers. Therefore, this study was conducted with the aim to explore the motivation for the production of teaching innovation among innovative teachers of Islamic Education. The study was conducted in a qualitative form. There were eight study participants selected using purposive sampling technique. They are tracked using the snowball method. Data were collected using semi-structured and in-depth interview methods. The validity and reliability of the findings were made through triangulation of sources, length of stay in the field and Kappa values. The findings show that there are 13 motivations that motivate study participants to innovate and can be categorized into two, namely; internal motivation and external motivation. Internal motivation consists of inspiration, task, self-satisfaction, afterlife share and interest. External motivation is related to competition, recognition, side income, career advancement, positive acceptance of students, peer encouragement, peer support and the role of administrator. These findings can provide input to education administrators in their efforts to stimulate teachers under their management to also engage in innovative activities.

Keywords: Motivation; Teaching Innovation, Innovative Teacher of Islamic Education, Qualitative Research.

Article Progress
Received: 25 April 2023
Revised: 15 May 2023
Accepted: 30 May 2023

1. PENGENALAN

Motivasi memainkan peranan yang cukup penting bagi inovator untuk menghasilkan sesuatu inovasi (Amutha Gopak Viloo @ Venugopal, 2019). Kepentingan ini diakui oleh ahli psikologi kerana bagi mereka personaliti individu berbeza mengikut orientasi motivasi masing-masing (Amabile et al. 1994). Menurut Amabile (1988), motivasi mungkin adalah komponen yang paling penting dalam memastikan sesuatu tindakan oleh individu kreatif itu dilakukan. Amabile (1998) mengatakan bahawa daya kreativiti yang tinggi memerlukan kepakaran, kemahiran berfikir kreatif dan motivasi yang tinggi yang ada pada insan yang secara kognitifnya fleksibel. Hal ini dipersetujui oleh ramai sarjana sehingga mereka menonjolkan motivasi dalam model yang mereka susun, antaranya; Teori Tindakan Kreatif Individu Ford (1996) dan Model Sikap Inovatif Guru (Thurlings, Evers, & Vermeulen, 2015). Motivasi yang paling utama menurut Ford (1996) ialah matlamat. Penetapan teori ini selaras dengan Teori Penetapan Matlamat yang menyatakan bahawa matlamat yang khusus yang disertai dengan ilmu akan menyumbang kepada kerja yang lebih baik (Latham & Locke, 1991). Dengan matlamat juga, akan lahir daya motivasi dalaman, iaitu kepercayaan kepada keterbukaan (*receptivity belief*), kepercayaan kepada keupayaan (*capability belief*) dan emosi (Ford, 1996).

Motivasi bermaksud kehendak dan keperluan yang mendorong seseorang untuk bertindak secara berfokus ke arah mencapai matlamat yang dikehendakinya (Morris & Maisto, 2002). Sebahagian ahli psikologi membahagikan motivasi kepada dua, iaitu; motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik (Morris & Maisto, 2002; Reeve, 2005). Motivasi intrinsik merujuk kepada ganjaran yang didapati dengan melakukan sesuatu aktiviti itu (Morris & Maisto, 2002). Ia bersifat dalaman. Motivasi ekstrinsik pula merujuk kepada ganjaran yang bukannya diperolehi daripada aktiviti itu, sebaliknya kesan daripada melakukan aktiviti itu (Morris & Maisto, 2002). Ia bersifat luaran. Antara kajian terhadap GPI yang membahagikan motivasi GPI mengikut pembahagian ini adalah kajian Kamarul Azmi Jasmi (2010), Mohd Nasri Abdullah (2017) dan Ahmad Firdaus Mohd Noor (2017).

Walau bagaimanapun, motivasi intrinsik sebenarnya lebih berkesan dalam mendorong seseorang untuk bertindak kerana ia datang daripada dalaman diri seseorang (Amabile 1988). Dorongan itu datangnya kerana keperluan untuk mencapai sesuatu matlamat (Dawson & Andriopoulos, 2017). Hal ini menjadikan ahli psikologi lebih banyak mengkaji mengenai motivasi intrinsik yang boleh mendorong sesuatu perbuatan berbanding motivasi ekstrinsik (Amabile et al. 1994). Berfokus kepada hubungan antara motivasi intrinsik dan inovasi, kajian oleh Fischer et al. (2019) mendapati bahawa lebih tinggi motivasi intrinsik seseorang, maka lebih tinggi daya kreativiti dan hasil inovasinya. Oleh yang demikian, Reeve (2005) membahaskan mengenai *hidden costs of reward* iaitu situasi di mana seseorang yang telah sedia ada motivasi secara intrinsik untuk melakukan sesuatu, kemudian diberi motivasi ekstrinsik, lalu mengakibatkan motivasi intrinsiknya semakin pudar kerana mengharapkan ganjaran berbentuk ekstrinsik.

Namun, Morris dan Maisto (2002) menyanggah pandangan ini dengan mengatakan bahawa tidak semua motivasi ekstrinsik akan mengurangkan motivasi intrinsik. Ada motivasi ekstrinsik yang mampu meningkatkan motivasi intrinsik. Contohnya respons positif seperti pujian (Nur Hanani Hussin, 2016). Hujah Morris dan Maisto (2002) selari dengan dapatan kajian oleh Fischer et al. (2019) yang merumuskan ada hubungan yang positif dan signifikan antara ganjaran hubungan, prestasi kreativiti dan inovasi. Contoh hubungan adalah sokongan dan penghargaan daripada pentadbir. Hal ini selari dengan Teori Hierarki Keperluan yang meletakkan keperluan kasih sayang, keperluan estim dan keperluan kesempurnaan sendiri berada pada tingkatan motivasi tersendiri (Maslow, 1970). Kekurangannya, individu yang didorong oleh motivasi ekstrinsik menunjukkan daya kreativiti yang rendah dalam melaksanakan kepelbagaian bekerja (Amabile 1985; Amabile et al. 1994). Hal ini terjadi kerana daya kreativiti akan semakin berkurangan apabila sesuatu pekerjaan yang dilakukan itu sentiasa diperhatikan, dinilai, diperintahkan atau apabila adanya ganjaran yang ditawarkan bagi setiap prestasi tinggi yang dihasilkan (Reeve, 2005). Keadaan ini turut menjadi bukti bahawa kreatif mempunyai hubungan yang positif dengan motivasi intrinsik (Amabile et al. 1994).

Selain itu, kajian Ke-du (2018) yang dijalankan terhadap guru berkesan di sekolah menengah mendapati mereka bermotivasi apabila melihat sebahagian guru yang menghasilkan inovasi sehingga memberikan keberanian kepada mereka untuk turut sama menghasilkan inovasi walaupun mengetahui proses tersebut mengalami masa yang lama dan tidak takut untuk gagal. Tekanan turut boleh merangsang kepada penghasilan inovasi, antaranya seperti yang berlaku ketika di musim pandemik apabila pelbagai inovasi dalam pengajaran atas talian mula diteroka secara besar-besaran (Marinoni, Land, & Jensen, 2020). Tekanan menjadi *push factor* kepada eksperimen yang tidak dijangka dan tidak dirancang tersebut. Selain daripada itu, untuk melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif, guru perlu mendahului sebagai penyuntik semangat kepada pelajarnya (Asmawati Suhid, Mohd Aderi Che Noh, Abd Muhsin Ahmad, & Khadijah Abdul Razak, 2016). Keberhasilan pelajar mampu menjadi motivasi kepada guru untuk berkeaktiviti dan berinovasi supaya dapat menjadi contoh kepada pelajarnya (Kamarul Azmi Jasmi, 2021).

Sebagai tambahan, terdapat juga pandangan mengenai penggunaan istilah motivasi inovasi tanpa terikat dengan pembahagian motivasi dalaman dan motivasi luaran (Luria & Kaufman, 2017). Kajian Aldrich (2017) mengenai pendorong guru inovatif untuk menghasilkan inovasi mendapati ia adalah sifat empati guru terhadap pelajar. Empati itu datang dari dua sudut yang saling berkait iaitu; 1) pengalaman guru ketika masih belajar, dan 2) tugas guru untuk memenuhi keperluan belajar pelajar. Selain itu, kajian Bawuro et al. (2018) mendapati bahawa tempat kerja yang menggembirakan, iklim organisasi, komitmen afektif dan kepemimpinan transformatif memberikan kesan positif terhadap karakter inovatif guru sekolah menengah di Nigeria.

Dengan kepelbagaian kajian dan teori mengenai motivasi inovasi, tidak ditemui kajian yang dibuat berkenaan dengan motivasi penghasilan inovasi oleh guru Pendidikan Islam (GPI). Pada masa yang sama, di kala terdapat teori mengenai motivasi inovasi mempunyai perdebatan mengenai ada atau tidak motivasi luaran dalam penghasilan inovasi, motivasi luaran didapati memberikan kesan dalam merangsang kecemerlangan pengajaran GPI (Kamarul Azmi Jasmi, 2010). Dalam Islam juga ada ditekankan motivasi luaran kepada guru yang mengajarkan ilmu, antaranya; balasan pahala dan didoakan pengampunan untuk guru oleh makhluk di langit dan di bumi (Ibnu Majah, n.d.) serta ancaman menyembunyikan ilmu dengan balasan api neraka (Abu Daud 2009; At-Tabrani n.d.; Ibnu Majah n.d.). Inovator di kalangan sahabat seperti Saidina Salman al-Farisi juga diangkat martabatnya sehingga diakui sebagai salah seorang *ahlul bait* (Al-Qurtubi, 1964). Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka motivasi penghasilan inovasi di kalangan GPI.

2. OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan untuk meneroka motivasi penghasilan inovasi oleh guru inovatif. Persoalan utama kajian yang perlu dijawab, iaitu; “Apakah motivasi yang merangsang guru inovatif menghasilkan inovasi?” Persoalan lain yang ingin dijawab adalah, “Adakah terdapat motivasi islami dalam merangsang GPI berinovasi?” dan “Adakah terdapat motivasi luaran dalam merangsang GPI berinovasi?”

3. METODOLOGI KAJIAN


Kajian kes ini dijalankan secara kualitatif. Pendekatan ini sesuai kerana hanya guru yang menghasilkan inovasi merasai pengalaman menghasilkan inovasi pengajaran dan faham motivasi yang mendorong mereka berterusan menghasilkan inovasi. Oleh itu, seramai lapan guru inovatif Pendidikan Islam dipilih sebagai peserta kajian. Pemilihan peserta kajian dibuat menggunakan teknik persampelan bertujuan dengan menyenaraikan empat kriteria peserta kajian (Merriam, 2009), iaitu; 1) mengajar Pendidikan Islam di sekolah menengah, 2) menghasilkan inovasi pengajaran dalam subjek Pendidikan Islam, 3) memenangi pertandingan inovasi pengajaran sekurang-kurangnya di

peringkat negeri, dan 4) mudah didekati dan boleh memberikan kerjasama. Ringkasan demografi lapan peserta kajian adalah seperti berikut:

Jadual 1: Demografi Peserta Kajian

| Peserta kajian | Jawatan / Gred | Pendidikan tertinggi | Inovasi yang dihasilkan | Anugerah yang pernah dimenangi |
|----------------------|----------------|----------------------|---|--|
| Ustaz Uwais (U1) | GCPI DG52 | MA | Pintar Haji, Kembara Tanah Suci, Global Zakat Game, Cakna Solat, Eksplorasi Jom Solat, The Battle of Tajweed, i5 Jawi Abqori, Jari Jawi | <ul style="list-style-type: none"> • Ikon Guru Inovatif Kebangsaan • Guru Inovatif Kebangsaan • Guru Inovatif Negeri |
| Ustaz Zakkir (U2) | GCPI DG48 | MA | | <ul style="list-style-type: none"> • Guru Inovatif Negeri • Emas Pertandingan Inovasi Kebangsaan |
| Ustazah Huda (U3) | GCPI DG52 | BA | Roda Audit Solat, Klinik Tawata, Trademark, Borang BFFT | <ul style="list-style-type: none"> • Guru Inovatif Negeri • Perak Pertandingan Inovasi Kebangsaan |
| Ustazah Aleeya (U4) | GPI DG44 | BA | Hajj Pop Up Tour | <ul style="list-style-type: none"> • Guru Inovatif Kebangsaan • Guru Inovatif Negeri • Emas Pertandingan Inovasi Antarabangsa |
| Ustazah Ainur (U5) | GPI DG44 | BA | iSolat, iSMARTBOX, Solatku Power | <ul style="list-style-type: none"> • Emas Pertandingan Inovasi Antarabangsa |
| Ustaz Imdad (U6) | GCPI DG48 | MA | Kit Solat Awesome, Kit MaBaSol | <ul style="list-style-type: none"> • Guru Inovatif Negeri • Emas Pertandingan Inovasi Antarabangsa |
| Ustazah Aisyah (U7) | GPI DG48 | MA | Permainan Digital Kembara Haji, Waze Sirah | <ul style="list-style-type: none"> • Guru Inovatif Negeri • Emas Pertandingan Inovasi Antarabangsa |
| Ustazah Arisyah (U8) | GPI DG44 | BA | Dam Haji LRT | <ul style="list-style-type: none"> • Guru Inovatif Negeri • Guru PI Terbaik PPD |

Pengkaji cuba menggunakan *network sampling*, iaitu dengan bertanyakan unit yang menguruskan guru Pendidikan Islam di peringkat negeri dan kebangsaan, serta unit yang menguruskan pertandingan inovasi KPM dan unit yang menguruskan data SPLKPM, namun mereka tidak dapat membekalkan sebarang data mengenai guru inovatif. Keadaan ini menyebabkan pengkaji menggunakan teknik *snowball* bagi mengumpul lapan peserta kajian. Teknik *snowball* sesuai digunakan apabila pengkaji berusaha menjejak peserta kajian yang boleh diibaratkan seperti populasi tersembunyi (Noy, 2008). Teknik *snowball* boleh diterima jika dikendalikan mengikut tujuan (Yin, 2011), iaitu tertakluk kepada kriteria yang telah ditetapkan (Merriam, 2009). Pengkaji mula menghubungi tiga peserta kajian asal (original) dari tiga negeri berbeza. Hubungan dengan tiga peserta kajian asal (original) ini telah terbina sekian lama. Ia dinamakan oleh Noy (2008) sebagai *power relation*. Daripada tiga peserta kajian original ini, terbina stemmata seperti berikut:



Rajah 1: Stemmata Pencarian Peserta Kajian

Data dikumpulkan daripada temu bual (TB). Protokol temu bual telah disemak oleh tiga pakar, iaitu; 1) pakar kajian kualitatif dalam pendidikan Islam, 2) pakar inovasi dalam Islam, dan 3) guru inovatif Pendidikan Islam. Mereka menyetujui protokol tersebut boleh digunakan dalam temu bual dan diyakini mampu menjawab persoalan kajian. Temu bual dijalankan menggunakan kaedah separa struktur dan dijalankan secara berhadapan. Setiap sesi temu bual memakan masa antara 45 minit hingga sejam setengah. Temu bual dijalankan dalam Bahasa Melayu. Proses temu bual direkod dengan menggunakan aplikasi rakaman audio di telefon bimbit. Rakaman video turut dibuat apabila peserta kajian menjelaskan mengenai inovasi yang dihasilkan. Setiap rakaman ditranskrib dengan bantuan *transcriber*. Transkripsi yang dihasilkan oleh *transcriber* disemak semula oleh pengkaji, sepertimana yang disarankan oleh Merriam (2009).

Kesahan dan kebolehpercayaan kajian dibuat menggunakan kaedah tempoh lama berada di lapangan, triangulasi dan nilai Kappa. Dari sudut tempoh lama di lapangan, pengkaji berada di lapangan selama 18 bulan, melebihi tempoh beberapa pengkaji kualitatif lain seperti; 12 bulan (Nursafra Mohd Zhaffar, 2017) dan 15 bulan (Fatahiyah Elias, 2020). Dari sudut triangulasi pula, pengkaji melakukan triangulasi sumber iaitu dengan melakukan perbandingan antara data daripada satu peserta kajian dengan data daripada peserta kajian lain. Dari sudut nilai Kappa pula, seramai empat *interator* dilantik yang mempunyai kepakaran dalam bidang inovasi dalam Islam, inovasi pengajaran, guru pendidikan Islam dan guru inovatif. Semuanya mempunyai kepakaran dalam kajian kualitatif dan dua daripadanya adalah pakar pendidikan Islam. Interpretasi nilai Kappa diambil daripada cadangan Landis dan Koch (1977) kerana ia memiliki profil yang paling tinggi dalam literatur (Sun, 2011) dan digunakan secara meluas dalam kajian kualitatif pendidikan Islam (Nursafra Mohd Zhaffar, 2017; Zetty Nurzuliana Rashed, 2016). Semua *interator* bersetuju dengan semua pembentukan tema dan contoh petikan yang diberikan menjadikan nilai persetujuan Kappa adalah 1.00, iaitu berada pada tahap sangat tinggi.

4. DAPATAN KAJIAN

Dapatan menunjukkan bahawa peserta kajian menghasilkan inovasi kerana motivasi dalaman dan motivasi luaran. Motivasi dalaman terdiri daripada inspirasi, tugas, kepuasan diri, saham akhirat dan minat. Motivasi luaran pula terkait dengan pertandingan, pengiktirafan, pendapatan sampingan, peningkatan kerjaya, penerimaan positif pelajar, dorongan pasangan, sokongan rakan dan peranan pentadbir.

4.1 Inspirasi

Inspirasi adalah tema yang paling kerap diungkitkan oleh peserta kajian, menjadi motivasi kepada mereka untuk menghasilkan inovasi dalam pengajaran. Inspirasi, boleh dilihat dari dua sudut, iaitu

mendapat inspirasi, atau memberikan inspirasi. Dari sudut mendapat inspirasi, peserta kajian mengakui bahawa mereka terinspirasi untuk menghasilkan inovasi apabila melihat keseronokan dan kejayaan orang lain ketika berinovasi, atau mengagumi kehebatan dan komitmen guru lain ketika mengajar. Peserta kajian mendapat inspirasi daripada guru idola (S7U7TB1; S8U8TB2), guru inovatif (S3U3TB3; S4U4TB3; S5U5TB3; S6U6TB2; S8U8TB2), suami (S5U5TB3), tokoh inovator (S1U1TB1) dan pentadbir (S3U3TB1). Dari sudut memberi inspirasi pula, peserta kajian turut mengakui bahawa mereka bermotivasi untuk terus menghasilkan inovasi bagi menjadi inspirasi untuk orang lain. Sasaran inspirasi adalah guru dan pelajar. Berkenaan dengan memberikan inspirasi kepada guru, dinyatakan oleh Ustaz Uwais selaku JU inovasi negeri (S1U1TB1), Ustaz Imdad selaku guru yang berpengalaman dengan penghasilan inovasi (S6U6TB2), Ustazah Aisyah selaku guru berpengalaman dan pernah bergelar guru cemerlang (S7U7TB2) serta Ustazah Huda selaku SU unit kajian tindakan (S3U3TB3).

Dari sudut menginspirasi pelajar pula, peserta kajian mengatakan bahawa mereka lebih seronok membimbing pelajar menghasilkan inovasi berbanding mereka sendiri menghasilkan inovasi (S5U5TB3). Hal ini kerana jika pelajar berjaya menyertai pertandingan inovasi dan memenangnya, perasaan puas yang dirasakan itu berbeza berbanding kemenangan sendiri (S5U5TB3). Jika kalah, pengalaman yang diberikan kepada pelajar juga dianggap sebagai sesuatu yang bermanfaat untuk kehidupan mereka di masa akan datang (S7U7TB2). Ustaz Imdad pula membimbing anaknya sendiri untuk berinovasi dan merasa puas melihat reaksi anaknya ketika berjaya memenangi pertandingan inovasi (S6U6TB2).

4.2 Tugas

Peserta kajian mengakui bahawa mereka bermotivasi menghasilkan inovasi kerana ia adalah sebahagian daripada tugas mereka sebagai guru. Mereka perlu memastikan pengajaran mereka sentiasa berkualiti dan memberi impak terbaik kepada pelajar. Jelas Ustazah Ainur, "*Rasa macam (dengan menghasilkan inovasi seperti) ni je cara yang (berkesan untuk bagi kefahaman kepada pelajar)*" (S5U5TB2). Oleh kerana itu, inovasi yang dihasilkan difokuskan kepada inovasi pengajaran (S5U5TB3). Ia dikaitkan dengan niat mengajar yang ikhlas dan tanggungjawab yang mesti dipenuhi bagi menghalalkan gaji yang diterima (S3U3TB1). Maka benarlah amalan Ustazah Ainur yang mengakui bahawa dia sentiasa menghasilkan inovasi pengajaran dan menganggapnya sebagai rutin biasa seorang guru yang bertanggungjawab untuk memastikan pelajar dapat memahami sesuatu isi pelajaran dengan mudah (S5U5TB3).

Sasaran impak inovasi adalah pembelajaran pelajar (S5U5TB3). Hal ini dipersetujui oleh Ustazah Huda yang tidak berpuas hati jika pelajar tidak dapat memahami apa-apa yang diajarkannya, lalu merasakan perlu melakukan sesuatu untuk memberi kefahaman kepada pelajar (S3U3TB3). Oleh kerana itu, peserta kajian akan berusaha mencari apa masalah yang dihadapi pelajar ketika belajar dan menghasilkan inovasi untuk membantu mereka belajar. Ustaz Zakkir bercerita mengenai motivasinya menghasilkan Jawi Abqori, "*(Motivasi) yang kedua tak lain tak bukan adalah pelajar-pelajar sendiri lah... Masalah mengeja dan menulis jawi yang berasaskan daripada dia punya ujian-ujian penilaian yang dilakukan. Jadi, saya pun terfikir untuk menghasilkan satu inovasi yang boleh membantu*" (S2U2TB3). Timbal balik kepada pembelajaran pelajar adalah pengajaran guru (S6U6TB2). Maka, peserta kajian turut bermotivasi menghasilkan inovasi kerana menganggap ia akan memudahkan pengajaran mereka (S7U7TB2).

4.3 Kepuasan Diri

Kepuasan diri adalah motivasi yang sering disebut oleh peserta kajian menjadi pendorong mereka untuk menghasilkan inovasi (S1U1TB1). Kepuasan menghasilkan inovasi timbul walaupun tiada sebarang hasil seperti wang ringgit didapati (S1U1TB1). Kepuasan dalam berinovasi ini terbit kerana beberapa sebab, antaranya; kepuasan itu muncul apabila melihat pelajar seronok (S4U4TB1), kepuasan timbul apabila peserta kajian melihat impak inovasi terhadap pelajar (S1U1TB1;

S5U5TB3), kepuasan dicapai apabila impak pembelajaran diamalkan pelajar secara istiqamah dalam kehidupannya seharianya walaupun selepas tidak lagi bergelar pelajar (S3U3TB3; S5U5TB3), kepuasan timbul apabila melihat inovasi yang dihasilkan dimanfaatkan oleh pelajar dalam projek mereka yang lain (S5U5TB3), kepuasan dirasakan apabila guru dan pelajar menghasilkan sesuatu inovasi secara kolektif (S8U8TB2), kepuasan turut terbit apabila hasil inovasi itu dihargai, sama ada dalam bentuk kemenangan dalam pertandingan, atau pun penerbitan penulisan berkenaan inovasi itu (S1U1TB1), dan kepuasan timbul apabila dapat berada dalam suasana inovatif, di kelilingi oleh rakan-rakan yang turut sama terlibat dalam aktiviti berinovasi (S7U7TB2).

4.4 Saham Akhirat

Peserta kajian mengakui bahawa mereka terlibat dengan penghasilan inovasi untuk saham akhirat, mengatasi motivasi dunia (S2U2TB3). Motivasi akhirat ini boleh dilihat dari dua sudut, iaitu pemilihan konten inovasi dan sebarluas. Dari sudut pemilihan konten, Ustaz Imdad menyatakan bahawa, dia sengaja memberi fokus kepada penghasilan inovasi dalam tajuk solat untuk memperbetulkan solat para pelajarnya (S6U6TB1). Keadaan itu turut mempengaruhi jenis inovasi yang dihasilkan. Ustaz Imdad memberi fokus kepada penghasilan modul (S6U6AD1) untuk memperbetulkan solat pelajar (S6U6TB1), manakala Ustazah Huda pula menggunakan suara untuk menyentuh hati pelajar (S3U3TB1). Dari sudut sebarluas pula, peserta kajian menggunakan beberapa kaedah, antaranya; menafkahkan hasil inovasi mereka untuk dimanfaatkan oleh guru dan pelajar lain, sama ada melalui pinjaman, atau menggunakan bahan-bahan yang telah dikongsi di laman sesawang (S6U6TB2; S7U7TB2) dan memperkenalkan produk inovasinya melalui pertandingan, lalu merangsang guru lain untuk membelinya (S5U5TB2). Manfaat yang guru dan pelajar lain dapat daripada produk itu dianggap sebagai jariah dan pahala yang berpanjangan (S5U5TB3). Walaupun peserta kajian menjual produk inovasi tersebut, keutamaan diletakkan pada menyebarkan, dan bukannya pada keuntungan (S1U1TB2; S3U3TB3). Selain itu, peserta kajian turut menggunakan sebaran berbayar seperti FB Adds (S1U1TB2).

4.5 Minat

Minat untuk menghasilkan inovasi menjadi motivasi kepada peserta kajian terlibat dalam penghasilan inovasi (S2U2TB3). Ustaz Imdad menyebut, “*Dia sebenarnya jiwa. Kalau jiwanya ada, insya Allah boleh*” (S6U6TB2). Minat ini yang mendorong peserta kajian sehingga mereka sanggup menghabiskan duit yang banyak untuk menghasilkan inovasi tersebut. Duit yang dihabiskan mencecah ribuan ringgit (S1U1TB1). Isu kewangan dipandang remeh oleh peserta kajian. Walaupun ahli keluarga sedikit negatif dengan duit yang dibelanjakan, namun mereka tetap optimis terhadap hasil inovasi yang diyakini mampu memberi manfaat kepada pelajar.

4.6 Pertandingan

Secara umumnya peserta kajian mengakui bahawa pertandingan bukanlah motivasi utama kepada mereka untuk menghasilkan inovasi (S5U5TB2). Sebaliknya keutamaan diletakkan pada impak pembelajaran. Namun kemenangan dalam pertandingan adalah bonus yang mengekalkan momentum motivasi mereka dalam berinovasi (S6U6TB1). Oleh kerana itu, peserta kajian tidak menafikan bahawa pertandingan menjadi perangsang penting kepada mereka untuk bertungkus lumus menyiapkan hasil inovasi mereka (S1U1TB2). Bagi Ustazah Arisya, orang yang ke depan akan mencipta lebih banyak kejayaan berbanding dengan orang yang tidak melangkah (S8U8TB2). Ustaz Uwais turut bercerita mengenai pengalaman pertama dia dengan inovasi. Dia mengakui, jika inovasi yang

dihasilkannya tidak terpilih mewakili sekolah, dan memenangi pertandingan inovasi peringkat negeri, dia mungkin berhenti daripada berinovasi (S1U1TB1).

4.7 Pengiktirafan

Peserta kajian berbelah bahagi mengenai pengiktirafan sebagai motivasi. Ada peserta kajian yang tidak fikirkan pengiktirafan ketika menghasilkan inovasi. Contohnya, seperti yang dinyatakan oleh Ustazah Ainur, “*Maksudnya, kita jangan letakkan, bila kita buat sesuatu tu, kita nak pengiktirafan. Maksudnya pengiktirafan manusia tu*” (S5U5TB1). Sebaliknya, niat asal penghasilan inovasi adalah untuk menolong agama (S6U6TB1) dan pelajar (S2U2TB3). Peserta kajian yakin apabila pengiktirafan tidak menjadi matlamat awal, sebaliknya dibuat ikhlas kerana Allah, banyak kebaikan lain akan datang walau tanpa diminta (S3U3TB3). Penyertaan kepada pertandingan hanya muncul apabila ada penganjuran pertandingan dan di pihak peserta kajian, telah ada inovasi tertentu yang boleh diketengahkan (S2U2TB3; S8U8TB2). Apabila sesuatu inovasi diketengahkan untuk sesuatu pertandingan, barulah muncul niat untuk menang dan dapatkan pengiktirafan itu (S5U5TB3). Situasi itu menyebabkan peserta kajian mula bersungguh-sungguh untuk menang “*sebab bawa nama sekolah*” (S4U4TB1). Walau bagaimanapun, peserta kajian tidak menafikan bahawa merasa dihargai menyebabkan mereka ingin berterusan menghasilkan inovasi-inovasi lain pula (S1U1TB1; S4U4TB1). Pada masa yang sama, ada peserta kajian yang memang menjadikan pengiktirafan sebagai motivasinya menghasilkan inovasi dan sentiasa menambah baik inovasi sedia ada (S6U6TB2). Keadaan ini timbul kerana bangga dengan diri atas pencapaian yang diterima (S6U6TB2).

4.8 Pendapatan Sampingan

Pendapatan sampingan tidak menjadi pendorong utama bagi penghasilan inovasi oleh peserta kajian. Tiga peserta kajian mengakui bahawa mereka tidak pernah jual produk inovasi yang mereka hasilkan (S6U6TB2; S7U7TB2; S8U8TB2). Keadaan ini berlaku kerana peserta kajian mengakui bahawa mereka tidak ‘*business minded*’ walaupun pernah memasang impian untuk memasarkan produk tersebut (S7U7TB2). Walau bagaimanapun, ada peserta kajian yang bermotivasi menghasilkan inovasi kerana melihat kekurangan produk inovasi pendidikan Islam di pasaran (S1U1TB1). Oleh itu, peserta kajian cuba menjual produk mereka. Tujuan jualan adalah untuk disebarluaskan manfaat inovasi tersebut (S2U2TB3). Jualan dibuat dengan dua cara, sama ada; 1) menyerahkan produk inovasi kepada syarikat dan peserta kajian mendapat royalti (S1U1TB2), atau 2) menguruskan sendiri pengkomersialan inovasi dan pemasaran serta mendapat keuntungan daripadanya (S1U1TB2; S2U2TB3; S3U3TB3; S5U5TB3).

Ustaz Uwais membongkarkan keuntungan yang diperolehnya daripada jualan produk inovasinya. Paling sikit keuntungan adalah daripada i5, iaitu sebanyak RM 7,000, manakala paling tinggi keuntungan adalah Pintar Haji iaitu mencecah RM 80,000. Keuntungan diperolehi bagi Pintar Haji adalah dua kali ganda daripada modal yang dikeluarkan. Bagi i5 pula, jualan tidak begitu memberangsangkan menyebabkan keuntungan adalah separuh daripada modal awal. Katanya, “*Paling banyak game haji versi kedualah... Ana cetak dalam kosnya 1000 nak dekat 40... Untung dia sheikh dua kali ganda. 80 lebih... Paling sikit i5 la... Ana labur hari tu I5 satu tu dekat 13 ribu... Dapat 20 dapat la... Tolak 13,7 ribu la*” (S1U1TB2).

4.9 Peningkatan Kerjaya

Peserta kajian mengakui bahawa dengan keterlibatan dengan penghasilan inovasi, kerjaya mereka dapat ditingkatkan. Peningkatan itu berlaku, sama ada melalui laluan kepakaran pendidikan atau laluan kepimpinan pendidikan (S2U2TB3). Menceritakan pengalamannya dimoderasi oleh jemaah nazir, kata Ustazah Huda, keutamaan penilaian oleh Jemaah nazir diberikan pada inovasi. Ustazah uda mengajuk cakap pegawai Jemaah nazir, “*dia kata, “Huda, mana (inovasi) the RAS and the geng.” Itu dulu*” (S3U3TB3). Menghuraikan lebih lanjut mengenai pengalaman memohon jawatan

guru cemerlang, Ustaz Zakkir berkata, dari sudut inovasi, mesti ada inovasi yang dihasilkan dan inovasi itu mestilah memberi impak kepada pelajar (S2U2TB3). Dari sudut impak, perlu ada bukti dan data yang boleh dipersembahkan. Sebagai tambahan, inovasi itu akan mendapat markah tambahan berdasarkan penyebarluasannya mengikut peringkat tertentu; sama ada peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan atau antarabangsa (S2U2TB3). Namun, bagi sebahagian peserta kajian, peningkatan kerjaya bukanlah motivasi bagi menghasilkan inovasi, sebaliknya, ketika memohon jawatan guru cemerlang, disebabkan ada inovasi yang telah dihasilkan, maka ia terus ditonjolkan sebagai pelengkap syarat permohonan (S6U6TB2).

4.10 Penerimaan Positif Pelajar

Penerimaan positif pelajar terhadap inovasi yang dihasilkan menjadi motivasi kepada peserta kajian untuk menghasilkan inovasi (S3U3TB1; S5U5TB2; S8U8TB2). Melihat kepada respon pelajar menyebabkan ada pentadbir yang mengarahkan peserta kajian menyempurnakan penghasilan inovasi untuk dimanfaatkan dalam PdP secara meluas (S4U4TB1). Dalam kes Ustazah Arisya, idea baru selalu timbul. Namun kepelbagai kekangan menyebabkan dia lebih suka mendorong pelajarannya untuk merealisasikan idea inovasinya itu (S8U8TB2). Oleh itu, motivasinya menghasilkan inovasi dari sudut pelajar datang dalam empat keadaan, iaitu; satu, apabila idea inovasinya direalisasikan oleh pelajarannya yang kreatif (S8U8TB2). Dua, apabila idea inovasi selari dengan minat pelajar (S8U8TB2). Tiga, apabila pelajar dari kelas berbeza bersinergi menambah baik kualiti inovasi sedia ada (S8U8TB2). Empat, apabila inovasi yang telah terhasil turut menarik minat pelajar kelas belakang (S8U8TB2).

4.11 Dorongan Pasangan

Peserta kajian mengakui bahawa pasangan mereka turut berperanan dalam mendorong mereka menghasilkan inovasi (S2U2TB3). Ada pasangan yang terlibat secara langsung dengan projek inovasi peserta kajian seperti yang dialami oleh Ustaz Uwais, Ustaz Zakkir dan Ustaz Imdad, antaranya dari sudut jana idea dan membina prototaip inovasi (S2U2TB3). Ada pasangan yang memberikan sokongan luaran. Dari sudut luaran, ada lima peranan dimainkan oleh pasangan. Satu, pasangan tidak menghalang peserta kajian daripada menyibukkan diri dengan projek inovasi (S8U8TB2). Dua, pasangan membantu meringankan kerja-kerja rumah (S3U3TB3). Tiga, pasangan membantu dari sudut teknikal. Contohnya, suami Ustazah Huda menghantarnya ke lokasi kursus untuk mendalami ilmu berkenaan dengan inovasi walaupun arah perjalanan mereka berbeza (S3U3TB3). Empat, pasangan memberi kata-kata dorongan seperti yang dialami oleh Ustaz Zakkir (S2U2TB3). Ustazah Huda memperincikan lagi bentuk kata-kata dorongan yang didapatnya daripada pasangannya. Katanya, “*Huda nak buat, Huda buat... Abang tengok Huda energetic*” (S3U3TB3). Ustaz Uwais pula menyebut, isterinya berterusan mendorongnya untuk menjual produk inovasinya menyebabkannya membuang rasa malu dan berusaha mempromosi produknya itu (S1U1TB2). Lima, pasangan membantu menenangkan emosi peserta kajian apabila mereka ada masalah (S3U3TB3).

4.12 Sokongan Kawan

Peserta kajian mengakui bahawa rakan-rakan juga memainkan peranan penting dalam mendorong mereka berinovasi (S2U2TB3; S8U8TB2). Kepentingan sokongan rakan, sehinggakan terdapat peserta kajian merasakan, jika tiada sesiapa yang memulakan budaya inovasi di sekolah, maka tiada sesiapa yang akan terlibat dengan penghasilan inovasi (S5U5TB3). Yang dimaksudkan dengan rakan, tidak terhad hanya kepada rakan sekerja di sekolah, bahkan kumpulan-kumpulan sokongan yang wujud secara spesifik bagi saling mendorong kepada penghasilan inovasi (S2U2TB3). Walau bagaimanapun, yang paling utama adalah rakan-rakan sepanitia di sekolah (S2U2TB3). Dapatan berjaya merungklai lapan bentuk sokongan rakan kepada penghasilan inovasi pengajaran, iaitu; satu, menaikkan semangat berinovasi sesama rakan (S5U5TB3). Peranan ini biasa dimainkan oleh sahabat yang mahir dan sentiasa bermotivasi untuk berinovasi (S5U5TB3). Dua, memberi keyakinan diri kepada peserta kajian melalui pujian (S2U2TB3). Tiga, memberi inspirasi kepada peserta kajian

untuk turut sama terlibat dalam inovasi (S6U6TB2). Empat, menimbulkan budaya kerja inovatif dan positif melalui kata-kata semangat dan menyumbang idea-idea baru (S2U2TB3). Lima, memujuk peserta kajian untuk mengenengahkan inovasi sedia ada (S6U6TB1). Enam, meringankan beban mengenengahkan inovasi sedia ada dengan bersinergi sesama ahli panitia (S7U7TB2). Tujuh, menggalakkan peserta kajian untuk mengorak langkah dengan lebih ke depan lagi dalam menyebarkan produk inovasinya (S2U2TB3). Lapan, memberi pendedahan dan kepercayaan kepada peserta kajian melalui penglibatan dalam penganjuran program berasaskan inovasi (S2U2TB3).

4.13 Peranan Pentadbir

Peserta kajian menyatakan pentadbir menjadi motivasi tambahan dalam mendorong mereka untuk berinovasi (S1U1TB2). Bahkan, Ustazah Arisya mengakui bahawa semua asatizah mampu berinovasi, namun terpulang kepada pentadbir untuk merangsang mereka berinovasi (S8U8TB1). Kerancangan berinovasi di satu-satu sekolah boleh berkurangan apabila pengetua bertukar yang membawa kepada pertukaran polisi dalaman sekolah (S2U2TB3). Hal ini turut diakui oleh Ustazah Huda yang meluahkan kekecewaannya terhadap perubahan dasar dalaman yang menyebabkan para guru makin tidak bermotivasi untuk berinovasi (S3U3TB3). Terdapat empat sebab pengetua mendorong peserta kajian menghasilkan inovasi, iaitu; 1) motivasi ini diakui biasa ada pada pengetua cemerlang (S7U7TB2), 2) sokongan pentadbir akan jadi lebih kuat apabila peserta kajian menghasilkan inovasi yang selaras dengan minat pengetua (S2U2TB3; S8Pt1TB1), 3) jika pentadbir terdiri dari kalangan asatizah, maka dorongan mereka turut jadi lebih kuat (S2U2TB3), dan 4) dorongan akan bertambah jika penglibatan peserta kajian dalam inovasi berjaya menaikkan nama sekolah (S1U1TB1; S2U2TB3). Dorongan pentadbir menyebabkan peserta kajian terus berinovasi walaupun selepas pertukaran pengetua dengan syarat pengetua baru tidak menghalang aktiviti berinovasi peserta kajian (S1U1TB1).

5. PERBINCANGAN

Dapatan menunjukkan peserta kajian didorong oleh 13 jenis motivasi yang boleh dikategorikan kepada dua, iaitu; motivasi dalaman dan motivasi luaran. Dapatan ini menjawab persoalan utama kajian iaitu berkenaan dengan jenis motivasi yang mendorong GPI berinovasi. Selain itu, dapatan ini turut menjawab persoalan mengenai motivasi luaran yang mendorong GPI berinovasi. Dapatan ini, secara umumnya menolak teori yang mengatakan bahawa penghasilan inovasi banyak didorong oleh motivasi dalaman (Amabile 1988; Amabile et al. 1994; Dawson & Andriopoulos 2017), sebaliknya dapatan menunjukkan motivasi luaran mempunyai peranan yang lebih besar dalam merangsang peserta kajian untuk berinovasi, terutamanya daripada pentadbir. Sebenarnya kedua-dua bentuk motivasi ada fungsi tersendiri. Dalam hal ini, terdapat tiga keadaan. Keadaan pertama, guru mempunyai motivasi dalaman yang tinggi untuk berinovasi seperti Ustazah Aleeya dan Ustazah Arisya. Mereka berterusan menghasilkan inovasi secara konsisten dan tidak terikat dengan pertandingan, anugerah dan kenaikan pangkat. Mereka tidak pernah memohon untuk menjadi guru cemerlang. Bagi mereka, menjadi tugas mereka sebagai guru untuk mengajar dengan kualiti terbaik. Oleh itu, banyak inovasi mereka hasilkan, namun tidak diketengahkan untuk dipertandingkan. Mereka hanya ketengahkan produk tertentu untuk dipertandingkan atas arahan pentadbir. Keadaan kedua pula berbeza, apabila Ustaz Uwais, Ustaz Zakkir dan Ustazah Huda banyak didorong oleh motivasi luaran seperti pertandingan, anugerah dan kenaikan pangkat. Ketiga-tiga mereka adalah guru cemerlang. Setiap hasil inovasi yang mereka hasilkan akan diketengahkan dalam pertandingan. Keadaan ketiga pula, seperti yang dialami oleh Ustaz Imdad dan Ustazah Aisyah, apabila mereka berinovasi kerana motivasi dalaman, namun motivasi luaran mendorong mereka untuk menonjolkan produk inovasi yang telah mereka hasilkan. Dorongan paling besar datangnya daripada pentadbir. Dapatan ini mengesahkan dapatan kajian Zainal dan Mohd Matore


(2021) bahawa kepimpinan transformasi pentadbir mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap sikap inovatif guru.

Selain itu, persoalan mengenai motivasi luaran dan motivasi dalaman dalam berinovasi, dapatan ini dapat dilihat daripada dua sudut. Sudut pertama, motivasi luaran diperlukan ketika seseorang guru tidak minat untuk berinovasi. Maka, motivasi luaran terutamanya daripada pentadbir menjadi '*push factor*' yang memaksa guru bergelumang dengan inovasi sehingga akhirnya dapat merasai kemanisan berinovasi. Selepas kemanisan berinovasi dirasai dan motivasi dalaman berjaya dibentuk, barulah guru tersebut dibiarkan bebas berinovasi. Sudut kedua, bagi guru yang sentiasa berinovasi sejak daripada awal, motivasi dalaman mereka sentiasa tinggi mendorong kreativiti mereka juga kekal tinggi (Fischer et al., 2019). Dalam situasi ini, pentadbir tidak boleh mengganggu mereka. Mereka perlu dibiarkan bebas berkreativiti. Namun, pentadbir boleh memainkan peranan dengan memberikan dana dan ruang masa serta pengurangan beban tugas. Inovasi yang mereka hasilkan boleh dimanfaatkan oleh guru-guru yang lain. Selain itu, pentadbir juga perlu bijak menjejak guru inovatif untuk mengurniakan anugerah kepada mereka tanpa melalui sebarang pertandingan. Walaupun mereka tidak perlukan anugerah, namun pemberian anugerah boleh menonjolkan mereka sebagai model contoh guru inovatif dan menjadi inspirasi kepada guru-guru yang lain. Sebagai tambahan, kolaborasi antara guru inovatif dengan guru novis atau guru yang tidak berpengalaman berinovasi dapat membantu merangsang mereka untuk turut sama berinovasi (Faridah Mydin, Radin Siti Aishah Radin A Rahman, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2021).

Satu lagi persoalan iaitu mengenai motivasi islami yang merangsang GPI berinovasi, dapat dilihat ditonjolkan melalui tema saham akhirat yang menjadi salah satu motivasi yang mendorong mereka berinovasi. Selain itu, motivasi islami turut dapat dilihat melalui huraian pada motivasi pendapatan sampingan apabila jualan produk inovasi dibuat dengan niat untuk menyebar luaskan manfaat produk inovasi tersebut agar saham akhirat yang lebih besar dapat dikumpulkan. Sebahagian peserta kajian turut menafikan bahawa mereka mengejar pengiktirafan manusia, sebaliknya lebih mengejar pengiktirafan Allah. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian mengenai motivasi yang mendorong kecemerlangan GPI dalam pengajaran yang berteraskan iman dan ikhlas serta mengharap pahala dan balasan akhirat (Kamarul Azmi Jasmi, 2010). Dapatan ini turut melengkapkan lagi motivasi penghasilan inovasi yang dibincangkan oleh sarjana lain dengan melihat dari sudut pandang guru Muslim yang tidak sekadar berinovasi untuk tujuan keduniaan dan kebendaan, tetapi juga untuk tujuan akhirat.

6. KESIMPULAN

Dapatan menunjukkan terdapat 13 motivasi yang merangsang guru inovatif Pendidikan Islam berinovasi. 13 motivasi itu boleh dikategorikan kepada dua, iaitu; motivasi dalaman dan motivasi luaran. Perinciannya adalah seperti berikut;



Rajah 2: Perincian Motivasi Penghasilan Inovasi Pengajaran

Dapatan ini dapat dimanfaatkan oleh pengkaji kuantitatif untuk kajian mereka mengenai motivasi penghasilan inovasi di kalangan guru Muslim. Selain itu, dapatan ini turut memberi input kepada pentadbir pendidikan seperti di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pentadbir di peringkat sekolah dari sudut meneroka kaedah untuk merangsang para guru untuk berinovasi serta meningkatkan kualiti pengajaran mereka.

7. PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dijalankan dengan kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia (Ref. no: KPM.600-3/2/3-eras(7431)), Jabatan Pendidikan Negeri dan pentadbir sekolah serta dipersetujui oleh peserta kajian terlibat. Penyelidikan ini tidak menerima apa-apa geran daripada mana-mana agensi awam atau swasta.

RUJUKAN

- Abu Daud, S. al-‘Asy’as. (2009). *Sunan Abi Daud*. Damsyik: Dar ar-Risalah al-‘Alamiyyah.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor. (2017). *Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam di Politeknik: Satu Kajian Kes. Tesis PhD*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Al-Qurtubi, A. A. M. A. (1964). *Tafsir al-Qurtubi*. Kaherah: Darul Kutub.
- Aldrich, A. S. (2017). *Innovative Teachers and the Experiences, Motivations, and Mechanisms that Impact their Innovation: An Examination of Innovative Teaching at Punahou School. Tesis PhD*. University of Hawaii.
- Amabile, T. (1988). A Model of Creativity and Innovation in Organizations. *Research in Organizational Behavior*, 10, 123–167.
- Amabile, T. (1998). How to Kill Creativity. *Harvard Business Review*, (September), 77–87.
- Amabile, T. M. (1985). Motivation and Creativity: Effects of Motivational Orientation on Creative Writers. *Journal of Personality and Social Psychology*, 48(2), 393–399.
- Amabile, T. M., Hill, K. G., Hennessey, B. A., & Tighe, E. M. (1994). The Work Preference Inventory: Assessing Intrinsic and Extrinsic Motivational Orientations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 66(5), 950–967.
- Amutha Gopak Viloo @ Venugopal. (2019). Kecenderungan Menjalankan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) Dalam Kalangan Pensyarah Bagi Mendepani Revolusi Industri (Ir) 4.0. In *International Innovation in Teaching and Learning & Language Education Conference* (pp. 154–163). UiTM Cawangan Kedah Kampus Sungai Petani.
- Asmawati Suhid, Mohd Aderi Che Noh, Abd Muhsin Ahmad, & Khadijah Abdul Razak. (2016). Ke Arah Kecemerlangan Menerusi Pembudayaan Inovasi. *Technical and Social Science Journal*, 6(1), 126–135.
- At-Tabrani, S. bin A. A. (n.d.). *al-Mukjam al-Ausat*. Kaherah: Darul Haramain.
- Bawuro, F. A., Danjuma, I., & Wajiga, H. (2018). Factors Influencing Innovative Behaviour of Teachers in Secondary Schools in the North East of Nigeria. *Path of Science*, 4(3), 1007–1017. <https://doi.org/10.22178/pos.32-9>
- Dawson, P., & Andriopoulos, C. (2017). *Managing Change, Creativity & Innovation* (3rd Editio). Singapore: SAGE Publications.
- Faridah Mydin, Radin Siti Aishah Radin A Rahman, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2021). Research Collaboration: Enhancing the Research Skills and Self-Confidence of Early Career Academics. *Asian Journal of University Education*, 17(3), 142–153. <https://doi.org/https://doi.org/10.24191/ajue.v17i3.14508>
- Fatahiyah Elias. (2020). *Amalan Guru tentang Pendekatan Berpusatkan Murid dalam Pengajaran Akidah untuk Pembelajaran Murid. Tesis PhD*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fischer, C., Malycha, C. P., & Schafmann, E. (2019). The Influence of Intrinsic Motivation and Synergistic Extrinsic Motivators on Creativity and Innovation. *Frontiers in Psychology*, 10(February), 1–15. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2019.00137>
- Ford, C. M. (1996). A Theory of Individual Creative Action in Multiple Social Domains. *Academy of Management Review*, 21(4), 1112–1142.
- Ibnu Majah, A. A. M. Y. (n.d.). *Sunan Ibni Majah*. Dar Ihya’ at-Turath al-Arabiyy.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2021). Pemerksaan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Abad ke-21 dalam Dunia Islam. In *International Conference on Islamic Education*. Semarang: Fakultas Tarbiyah IAIN Kudus.
- Ke-du, L. (2018). Effective Teaching in the Context of 21st Century Learning in a Malaysian Secondary School. *Asian Journal of University Education*, 14(2), 1–12.
- Landis, J. R., & Koch, G. G. (1977). The Measurement of Observer Agreement for Categorical Data. *Biometrics*, 33(1), 159–174. <https://doi.org/10.2307/2529310>
- Latham, G. P., & Locke, E. A. (1991). Self-Regulation through Goal Setting. *Organizational*

- Behavior and Human Decision Processes*, 50, 212–247. <https://doi.org/10.2307/258875>
- Luria, S. R., & Kaufman, J. C. (2017). The Dynamic Force Before Intrinsic Motivation: Exploring Creative Needs. In *The Creative Self* (pp. 317–325). Elsevier Inc. <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-809790-8/00018-2>
- Marinoni, G., Land, H. Van, & Jensen, T. (2020). *The Impact of Covid-19 on Higher Education Around the World*. France: International Association of Universities.
- Maslow, A. H. (1970). *Motivation and Personality*. Harper & Row Publishers. <https://doi.org/10.1037/12225-003>
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research*. Francisco: Jossey-Bass.
- Mohammed Afandi Zainal, & Mohd Effendi Ewan Mohd Matore. (2021). The Influence of Teachers' Self-Efficacy and School Leaders' Transformational Leadership Practices on Teachers' Innovative Behaviour. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18(12). <https://doi.org/10.3390/ijerph18126423>
- Mohd Nasri Abdullah. (2017). *Pengamalan Kompetensi dalam Kalangan Pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru di Malaysia*. Tesis PhD. Universiti Teknologi Malaysia.
- Morris, C. G., & Maisto, A. A. (2002). *Psychology: An Introduction*. New Jersey: Prentice Hall.
- Noy, C. (2008). Sampling Knowledge: The Hermeneutics of Snowball Sampling in Qualitative Research. *International Journal of Social Research Methodology*, 11(4), 327–344. <https://doi.org/10.1080/13645570701401305>
- Nur Hanani Hussin. (2016). Motivasi. In Noornajihan Jaafar (Ed.), *Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam* (pp. 71–79). Kajang: Penerbit KUIS.
- Nursafra Mohd Zhaffar. (2017). *Kefahaman dan Amalan Penerapan Pemikiran Kritis dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Reeve, J. (2005). *Understanding Motivation and Emotion*. John Wiley & Sons, Inc.
- Sun, S. (2011). Meta-analysis of Cohen's kappa. *Health Services and Outcomes Research Methodology*, 11, 145–163. <https://doi.org/10.1007/s10742-011-0077-3>
- Thurlings, M., Evers, A. T., & Vermeulen, M. (2015). Toward a Model of Explaining Teachers' Innovative Behavior: A Literature Review. *Review of Educational Research*, 85(3), 430–471. <https://doi.org/10.3102/0034654314557949>
- Yin, R. K. (2011). *Qualitative Research from Start to Finish*. New York and London: The Guilford Press.
- Zetty Nurzuliana Rashed. (2016). *Amalan Pengintegrasian Ilmu Sains dan al-Quran dalam Pengajaran Pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wan Ali Akbar bin Wan Abdullah (Corresponding author)

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
IPG Kampus Raja Melewar
70400 Seremban,
Negeri Sembilan, MALAYSIA
Email: wanaliakbar@ipgm.edu.my

Khadijah binti Abdul Razak
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor, MALAYSIA
Email: khadijah.razak@ukm.edu.my

Mohd Isa bin Hamzah
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor, MALAYSIA
Email: isa_hamzah@ukm.edu.my

Nursafra binti Mohd Zhaffar
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau
71300, Rembau, Negeri Sembilan, MALAYSIA
Email: nursafra@uitm.edu.my